

## KENYATAAN TENDER

Tawaran adalah dipelawa kepada syarikat-syarikat yang berdaftar dengan **Kementerian Kewangan** dan mempunyai Kod Bidang pendaftaran yang dibenarkan seperti berikut untuk menyertai tawaran ini:-

Ruj. Tender	Tajuk	Kod Bidang	Harga Dokumen	Lawatan Tapak	Jenis Tender
SEDIA/SPGR/ CONS/TD/02/19	PERKHIDMATAN PERUNDING KEJURUTERAAN AWAM DAN STRUKTUR  BAGI  PROJEK SDC - PEMBESARAN PELABUHAN KONTENA SAPANGAR BAY	<b>Berdaftar dengan</b>  Kementerian Kewangan:  330101 – Kejuruteraan Awam  DAN  330102 – Kejuruteraan Struktur	RM1,000	Tarikh:  19 Mac 2019  Jam: 10 Pagi  Lokasi:  Sabah Ports Sdn Bhd, Wisma Sabah Ports, Jalan Sapangar, Sapangar Bay, 88450 Kota Kinabalu, Sabah  Lawatan Tapak adalah diwajibkan.	Terbuka

Tarikh Tutup Tawaran : 9hb April 2019  
(Selasa – Jam 12:00 Tengahari)

Tempat Dokumen Tender  
diperolehi : Pihak Berkuasa Pembangunan Ekonomi dan  
Pelaburan Sabah  
Lot 2, Tingkat Bawah, Wisma SEDIA  
Off Jalan Pintas Penampang, 88873 Kota Kinabalu  
Tel: 088-450650 Fax: 088450699

**Dokumen meja tawaran** boleh diperiksa dan diperolehi mulai **19hb Mac 2019 – 8hb April 2019** pada waktu pejabat. Bayaran dokumen tender hendaklah dalam bentuk Wang Pos / Wang Kiriman Pos (Money Order) / Bank Draf yang ditulis atas nama "**SEDIA-Federal Fund Operation**". Wang Tunai / Cek tidak diterima. Dokumen Tender akan dikeluarkan kepada Syarikat-syarikat atau wakil-wakilnya yang **SAH** sahaja dengan membawa '**SURAT TAULIAH**' yang menunjukkan bahawa mereka diberi kuasa untuk mengambil dokumen bagi pihak syarikat. **SIJIL ASAL KEMENTERIAN KEWANGAN** hendaklah dikemukakan dan sila sediakan salinan sijil-sijil yang disahkan semasa hendak membeli dokumen Tender. Hanya penama di dalam Sijil Kementerian Kewangan sahaja yang boleh menghadiri lawatan tapak. Syarikat tidak boleh mewakilkan pegawai selain daripada penama dalam Sijil Kementerian Kewangan.

Dokumen tawaran berserta Cadangan Teknikal dan Cadangan Kos yang lengkap diisi hendaklah dihantar ke **Peti Tawaran Tender dan Sebut Harga Pihak Berkuasa Pembangunan Ekonomi dan Pelaburan Sabah** dan dialamatkan kepada **SETIAUSAHA JAWATANKUASA PEMBUKAAN TENDER SEDIA, LOT 1, TINGKAT BAWAH, WISMA SEDIA, OFF JALAN PINTAS PENAMPANG, P.O BOX 17251, 88873 KOTA KINABALU, SABAH.**

Pada atau sebelum jam **12:00 Tengahari** pada **9hb April 2019 (Selasa)**.